

BAB V

5.0 PENDAHULUAN

Menerusi bab kelima, pengkaji akan mengemukakan rumusan keseluruhan kajian. Seterusnya, pengkaji mengutarakan beberapa saranan untuk perhatian pihak berkaitan. Daripada perbincangan yang dijalankan, pengkaji dapat menyimpulkan keseluruhan perbincangan kepada beberapa perkara utama iaitu :-

5.1 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Dalam bab pertama, pengkaji mengemukakan perbahasan teori berkaitan tajuk kajian dimulai definisi fasiq dari sudut bahasa dan istilah serta signifikan istilah fasiq terhadap haiwan. Selain itu, pengkaji turut memuatkan perbahasan mengenai tujuh jenis haiwan fasiq utama yang disebutkan dalam hadith Nabawi dari perspektif sains dan diakhiri perkaitan rapat antara haiwan fasiq dan haiwan perosak.

Daripada hasil perbincangan, gelaran fasiq pada haiwan merupakan satu bentuk perumpamaan (*isti'ārah*) Nabi SAW kepada aspek kerosakan dan kemudaratan yang mampu diakibatkan haiwan tertentu pada manusia. Secara umumnya, ia merujuk kepada kelompok haiwan yang lazimnya sering mengganggu manusia. Ini berkait rapat dengan faktor utama gelaran fasiq iaitu “*mengganggu*”, “*mendatangkan mudarat*” dan “*melampaui batas*” haiwan-haiwan tertentu kepada manusia.

Manakala konsep haiwan fasiq (haiwan perosak) secara khusus adalah tertakluk atas empat dasar utama iaitu: **Pertama:** Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia (melampaui batas). **Kedua:** Haiwan yang memudaratkan nyawa dan kesihatan manusia.

Ketiga: Haiwan yang merosakkan harta benda (membuat kemusnahan dan kerosakan).

Keempat: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan hasil tanaman.

Dari perspektif sains, tujuh jenis haiwan fasiq utama iaitu tikus, kala jengking, anjing, gagak, helang, ular dan cicak, semuanya memiliki sifat zalim tersendiri yang mampu mengancam manusia dari segi gangguan, ancaman fizikal, kematian, kesihatan, kerugian industri komersial dan kemusnahan harta benda.

Gelaran fasiq oleh Nabi SAW terhadap ketujuh-tujuh haiwan fasiq (haiwan perosak) tersebut mempunyai signifikan tersendiri. Gelaran tikus sebagai haiwan fasiq mengisyaratkan semua haiwan yang mengganggu manusia dengan cara merosak dan memotong-motong sesuatu seperti anai-anai. Penyebutan gagak dan helang mengisyaratkan semua haiwan yang mengganggu manusia dengan cara menyambar, pengotor dan pengacau.

Manakala permisalan anjing *'aqūr* mengisyaratkan semua haiwan yang mengancam dan menyerang dengan gigitan taring dan kuku tajam seperti serigala, harimau dan singa. Sebutan “*aqrab*” (kala jengking) pula mengisyaratkan semua haiwan yang mengganggu dan mengancam manusia melalui gigitan berbisa seperti ular, lipan dan sebagainya. Rangkuman hubungan haiwan fasiq dan haiwan perosak lebih lanjut dapat dilihat pada jadual berikut :-

Jadual 5.0: Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak

Haiwan Fasiq	Tabiat/Sifat	Spesies Haiwan Lain Sama Tabiat/Sifat (Haiwan Perosak)
Tikus	Pengotor Pembawa penyakit Memotong-motong dan merosak harta benda Merosak hasil tanaman	Lipas Belalang Juta Burung Quelea paruh merah Tupai Gajah Siput Babi Khinzir Anai-anai
Kala Jengking	Berbisa Memudaratkan manusia Berupaya membunuh	Lipan Tebuan Penyengat Labah-labah berbisa
Burung Gagak	Pengotor Pemakan bangkai Pembawa penyakit Menggangu manusia dengan bunyi yang bising Mencuri dan merampas makanan manusia	Burung hering Monyet Kera
Burung Helang	Ganas Menyambar dengan kuku tajam Mengancam haiwan ternakan manusia	Musang Biawak Babun
Anjing	Bengis Pembawa Penyakit Mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan gigi dan taring yang kuat Boleh menyebabkan kematian serta merta	Anjing liar Harimau Harimau kumbang Harimau bintang Serigala Beruang Singa Buaya Aligator Ikan jerung Piranha
Ular	Berbisa Memusuhi manusia Boleh menyebabkan kematian serta merta	Semua jenis ular berbisa seperti ular tedung, ular mamba hitam dan ular kapak Ular yang tidak mempunyai bisa tapi menggigit dengan gigi tajam seperti ular sawa dan anaconda hijau (spesies ular terbesar di dunia)
Cicak	Haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia Suka membuang najis merata-rata Pembawa virus dan bakteria merbahaya	Virus Bakteria Pijat Kutu Nyamuk Lalat

Seterusnya, pengkaji meneruskan perbincangan dalam bab kedua berdasarkan penelitian terhadap hadith-hadith haiwan fasiq (haiwan perosak) yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*. Hadith-hadith yang dipilih melibatkan hadith-hadith yang menjelaskan mengenai sifat-sifat, keburukan dan hukum hakam berkaitan ketujuh-tujuh haiwan fasiq utama serta hadith-hadith yang menjelaskan pendekatan dan interaksi Rasulullah SAW dalam berhadapan dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak).

Daripada himpunan hadith tersebut, pengkaji telah membahagikan fokus perbincangan kepada sembilan bahagian iaitu :-

Pertama: Hadith yang menjelaskan tentang enam jenis haiwan fasiq iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, anjing liar dan ular. **Kedua:** Hadith yang menyebutkan tikus dan keburukannya. **Ketiga:** Hadith yang menyebutkan kala jengking dan keburukannya. **Keempat:** Hadith yang menyebutkan burung helang dan keburukannya. **Kelima:** Hadith yang menyebutkan burung gagak dan keburukannya. **Keenam:** Hadith yang menyebutkan anjing dan keburukannya. **Ketujuh:** Hadith yang menyebutkan ular dan keburukannya. **Kelapan:** Hadith yang menyebutkan cicak dan keburukannya. **Kesembilan:** Hadith yang menyebutkan pendekatan dan cara berinteraksi dengan haiwan fasiq.

Jadual 5.1: Taburan Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Umum Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1.	حَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُقْتَلْنَ فِي الْحَرَمِ الْفَارَةِ ، وَالْعَقْرَبُ ، وَالْحَدَّيَا ، وَالْغُرَابُ ، وَالْكَلْبُ الْعَمُورُ	6	16	3	2	14	3

Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), dan IM (Ibn Mājah)

Jadual 5.2: Taburan Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Khusus Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>
-----	--------------	--

		B	M	AD	T	N	IM
Hadith-Hadith Tikus							
1.	حَمَزُوا الْآيَةَ، وَأَوَكُوا الْأَسْتَيْبَةَ، وَأَجْبَهُوا الْأَنْبُوتَ، وَآكَفْتُوا صِبْيَانَكُمْ	2	3	2	2	-	2
2.	الْفَأْرَةُ مَسْحُ وَأَيْتُهُ ذَلِكَ	-	2	-	-	-	-
3.	عَنِ الدَّابَّةِ تَمُوتُ فِي الرَّيْبِ وَالسَّمْنِ وَهُوَ جَامِدٌ أَوْ غَيْرُ جَامِدٍ الْفَأْرَةُ أَوْ غَيْرِهَا	5	-	2	1	3	-
Hadith-Hadith Kala Jengking							
1.	لَعَنَ اللَّهُ الْعُقْرَبَ مَا تَدَعِ الْمُصَلِّي	-	-	-	-	-	2
2.	جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا لَقِيتُ مِنْ عُقْرَبٍ لَدَعْتَنِي الْبَارِحَةَ	-	2	2	-	-	1
3.	رَخَّصَ رَسُولُ اللَّهِ فِي الرَّقِيبَةِ مِنَ الْحَيَةِ وَالْعُقْرَبِ	-	-	-	-	-	1
4.	يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرَّقِيبِ، وَأَنَا أَرِي مِنَ الْعُقْرَبِ	-	3	-	-	-	-
5.	اقْتُلُوا الْأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلَاةِ: الْحَيَّةَ وَالْعُقْرَبَ	-	-	1	1	2	1
Hadith-Hadith Burung Helang							
1.	حَمَسَ فَوَاسِقٌ يُقْتَلْنَ فِي الْحِلِّ وَالْحَرَمِ: الْحِدَاةُ، وَالْعُرَابُ	-	-	-	-	2	-
2.	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبْعِ	-	3	2	-	1	1
Hadith-Hadith Burung Gagak							
1.	مَنْ يَأْكُلِ الْعُرَابَ، وَقَدْ سَمَّاهُ رَسُولُ اللَّهِ فَاسِقًا	-	-	-	-	-	2
2.	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنْ نَفْرَةِ الْعُرَابِ، وَافْتِرَاشِ السَّبْعِ	-	-	1	-	1	1
Hadith-Hadith Anjing							
1.	لَوْلَا أَنَّ الْكِلَابَ أُمَّةٌ مِنَ الْأُمَّمِ لَأَمَرْتُ بِمَثَلِهَا كَلِّهَا	-	-	1	2	1	1
2.	إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ	-	6	3	1	10	4
3.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: "أَمَرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ"	3	8	1	2	3	3
4.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: "أَمَرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ"	3	3	1	3	-	2
Hadith-Hadith Ular							
1.	اقْتُلُوا الْحَيَاتِ وَاقْتُلُوا دَا الطَّفِيفَتَيْنِ وَالْأَبْتَرَ	4	6	2	1	-	2
2.	مَا سَأَلْنَا هَرَّ مِنْذُ حَارِثَانِ هَرَّ، وَمَنْ تَرَكَ شَيْئًا مِنْهُنَّ حَيْفَةً	-	-	3	-	1	-
3.	إِذَا ظَهَرَتِ الْحَيْثُ فِي الْمَسْكَنِ، فَعُولُوا لَهَا: إِنَّا نَسْأَلُكَ بَعْدَهُ نُوحٍ	-	-	1	1	-	-
4.	إِنَّ بِالْمَدِينَةِ نَفْرًا مِنَ الْجَرِّ قَدْ أَسْلَمُوا، فَمَنْ رَأَى شَيْئًا مِنْ هَذِهِ الْعَوَابِرِ	-	2	4	1	-	-
Hadith-Hadith Cicak							
1.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: "لِلْوَرَعِ الْفُؤَيْسِقَةُ"	2	1	-	-	1	1
2.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: "أَمَرَ بِقَتْلِ الْوَرَعِ، وَقَالَ: كَانَ يَنْفُخُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ"	1	-	-	-	1	1
3.	أَنَّ النَّبِيَّ: "أَمَرَهَا بِقَتْلِ الْأَوْزَاعِ"	1	3	1	-	1	1

Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), dan IM (Ibn Mājah)

Jadual 5.3: Taburan Hadith-Hadith Pendekatan Dan Interaksi Terhadap Haiwan Fasiq Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1.	مَنْ قَتَلَ وَرَعَةً فِي أَوَّلِ صَرْبَةٍ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً،	-	3	2	1	-	1
2.	لَا صَرَّ وَلَا ضِرَارَ	-	-	-	-	-	2
3.	إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ	-	2	1	1	5	1

4.	نَزَلَ نَبِيٌّ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ تَحْتَ شَجَرَةٍ فَلَدَعَتْهُ	1	2	1	-	-	-
5.	مَنْ قَتَلَ غُصْمُورًا عَبَثًا، عَجَّ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ،	-	-	-	-	1	-
6.	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الضَّرْبِ فِي الْوَجْهِ، وَعَنِ الْوَسْمِ فِي الْوَجْهِ	-	1	1	1	-	-

Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), dan IM (Ibn Mājah)

Keputusannya, pengkaji telah menyenaraikan sebanyak 30 buah hadith yang dijadikan sandaran dan rujukan utama untuk membentuk kefahaman, kaedah dan pendekatan dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) mengikut acuan Nabi SAW. Perbahasan dilakukan melalui penelitian terhadap *fiqh al-Hadīth* melalui penjelasan para ulama dalam kitab ulasan hadith.

Hasilnya, pengkaji telah meringkaskan aspek dan teknik kawalan haiwan perosak menurut sunnah Nabi SAW berdasarkan panduan digariskan Islam dalam interaksi antara manusia dan haiwan fasiq seperti berikut :-

[Pertama]: Umat Islam harus membunuh haiwan yang tergolong dalam kategori berikut: [Pertama]: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia (melampaui batas). [Kedua]: Haiwan yang memudaratkan nyawa dan kesihatan manusia. [Ketiga]: Haiwan yang merosakkan harta benda. [Keempat]: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman.

[Kedua]: Dalam interaksi manusia dan haiwan fasiq (haiwan perosak), metode selain pukulan adalah harus dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Prinsip utama dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) mestilah dijaga, iaitu membunuh bukan sekadar suka-suka, tetapi atas dasar masalah, ikhlas dalam perbuatan, tidak mengandungi unsur penyiksaan dan penganiayaan haiwan serta efektif.

[Ketiga]: Kaedah paling sesuai untuk membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) kecil seperti tikus, cicak, kala jengking dan ular dan selainnya ialah dengan cara memukul. Cara terbaik ialah dengan satu pukulan yang terus mematikan.

[Keempat]: Bagi haiwan fasiq (haiwan perosak) besar seperti anjing, burung gagak dan helang. Kaedah menembak, memasang jerat, perangkap dan penggunaan pagar elektrik harus dilakukan jika berkesan menghindarkan gangguan makhluk perosak dengan syarat tiada unsur kezaliman terhadap haiwan.

[Kelima]: Bagi haiwan fasiq (haiwan perosak) jenis tidak berdarah (*ghair al-Ādami*) seperti lipas, pijat, kutu, anai-anai, nyamuk dan lain-lain. Membunuh dengan penggunaan racun adalah dibolehkan sekadar perlu.

[Keenam]: Diharamkan menggunakan kaedah membakar, melemas, memberi makan makanan beracun untuk membunuh dan lain-lain kerana cara tersebut merupakan satu bentuk kezaliman pada haiwan.

[Ketujuh]: Semua spesies tikus harus dibunuh. Tikus kecil tidak boleh dibunuh sehingga cukup besar untuk menghadirkan gangguan dan mudarat pada manusia.

[Kelapan]: Burung helang digelar fasiq disebabkan sifatnya yang mengganggu dengan menyambar haiwan ternakan yang menjadi sumber makanan manusia. Hal ini hanya terhad kepada helang pemakan daging dewasa sahaja. Burung helang kecil tidak boleh dibunuh sehingga cukup besar untuk membuat kerosakan dan kebinasaan.

[Kesembilan]: Burung gagak harus dibunuh kecuali burung gagak yang masih kecil dan gagak pemakan biji-bijian.

[Kesepuluh]: Anjing yang bersifat *'aqūr* (mengancam dengan taring dan gigi) khusus pada anjing dewasa. Anak-anaknya tidak bersifat dengan sifat sedemikian dan terkecuali dari kategori haiwan fasiq.


[Kesebelas]: Hukum membunuh kala jengking adalah sepertimana ular. Ia boleh dibunuh sama ada yang besar mahupun kecil oleh kerana sudah memiliki bisa sejak kecil dan mampu mengancam manusia. Namun begitu, ular kecil yang tidak berbisa tidak boleh dibunuh kerana belum mampu menghadirkan bahaya kepada manusia.

[Kedua belas]: Cicak merupakan haiwan fasiq kecil dan dilihat seakan-akan belum dewasa bagi yang tidak mengenalinya kecuali cicak tokek yang bersaiz lebih besar dan mudah dikenal. Spesies cicak rumah dan tokek harus dibunuh kerana tergolong dalam kalangan cicak *al-Wazagh*. Anak-anak cicak tidak boleh dibunuh kerana belum mampu mengganggu manusia.

[Ketiga belas]: Habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal jauh dari manusia seperti kala jengking, ular, helang dan seumpamanya tidak boleh dimusnahkan. Hal ini kerana ia menjadi tempat tinggal anak-anak haiwan terbabit yang terkecuali dari hukum haiwan fasiq. Haiwan jenis ini lebih tertumpu mencari mangsa untuk dimakan, bersifat mementingkan kawasan dan jarang mengganggu manusia melainkan diancam atau kawasannya telah diceroboh manusia.

[Keempat belas]: Bagi spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal di dalam atau berhampiran persekitaran manusia sehingga menghadirkan gangguan dan ancaman kepada manusia seperti tikus, gagak, anjing dan cicak. Habitat tersebut wajib dimusnahkan dan anak-anaknya perlu dibunuh atau dipindahkan dari kediaman manusia.

Rajah 5.0: Pendekatan Umum Dalam Interaksi Manusia Terhadap Haiwan Fasiq



Rajah 5.1: Pendekatan Khusus Dalam Interaksi Manusia Terhadap Haiwan Fasiq



Harus membunuh semua spesies tikus yang memudaratkan
Dilarang membunuh tikus kecil kerana belum mampu mengancam manusia



Harus membunuh semua jenis kala jengking
Boleh membunuh kala jengking sama ada besar atau kecil oleh kerana sudah memiliki bisa sejak lahir dan mampu mengancam manusia
Boleh membunuh kala jengking di mana-mana sekalipun ketika solat.



Harus Membunuh helang pemakan daging dewasa
Dilarang membunuh helang kecil



Dibolehkan membunuh semua jenis gagak *al-Abqa'*
Dilarang membunuh gagak kecil
Dilarang membunuh gagak pemakan biji-bijian



Dibolehkan membunuh anjing hitam
(anjing liar / buas / berpenyakit /)
Dilarang membunuh anak anjing
Dilarang membunuh anjing jinak / peliharaan / terlatih selagimana mempunyai manfaat



Dibolehkan membunuh kesemua jenis ular
Dibolehkan membunuh ular kecil yang berbahaya
Dilarang membunuh ular rumah kecuali selepas indhar
Ular di luar rumah boleh dibunuh di mana-mana sahaja



Dibolehkan membunuh cicak rumah dan tokek
(tergolong dalam kalangan *al-wazagh*)

Seterusnya, pengkaji melakukan kajian persepsi, pemahaman dan pendekatan masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak dalam rangka interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) berasaskan metodologi kajian lapangan. Daripada analisis dalam bab ketiga dan keempat, keputusan kajian adalah berikut :-

Jadual 5.4: Bahagian (A): Latar Belakang Responden Mengikut Jantina, Umur, Status, Taraf Pendidikan dan Pekerjaan

Latar Belakang Responden		Frekuensi (Kekerapan)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	247	61.75
	Perempuan	153	38.25
	Jumlah	400	100.0
Umur	18 tahun - 29 tahun	233	58.25
	30 tahun - 40 tahun	89	22.25
	41 tahun - 50 tahun	16	4.00
	51 tahun ke atas	62	15.50
	Jumlah	400	100.0
Status	Belum berkahwin	226	56.50
	Berkahwin	164	41.00
	Duda/Janda	10	2.50
	Jumlah	400	100.0
Taraf Pendidikan Tertinggi	Sekolah Rendah	59	14.75
	Pondok/Pesantren	28	7.00
	Sekolah Menengah	149	37.25
	IPT Dalam Negara	139	34.75
	IPT Luar Negara	7	1.75
	Lain-lain	18	4.50
	Jumlah	400	100.0
Pekerjaan	Kerajaan	61	15.25
	Badan Berkanun	11	2.75
	Swasta	120	30.00
	Bekerja Sendiri	117	29.25
	Tidak Bekerja	71	17.75
	Pelajar	20	5.00
	Jumlah	400	100.0

Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Jadual 5.5: Bahagian (B): Pemahaman Responden Terhadap Konsep Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) dan Haiwan-Haiwannya

Soalan	Peratusan Pilihan Jawapan Tertinggi	Kesimpulan Pengkaji Terhadap Jawapan Responden
Apakah spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang anda tahu?	Tikus (86.7 %), anai-anai (73.3 %), lipas (53.3 %), kera (51.4 %), tupai (46.7 %), lalat (38.1 %), biawak (35.2 %)	Cenderung mengenali haiwan perosak yang lazimnya melakukan kerosakan di rumah
Daripada jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang anda ketahui, apakah takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak) yang paling tepat menurut anda?	Haiwan yang suka melakukan kemusnahan dan kerosakan pada harta benda manusia (36.5 %)	Tidak Faham
Adakah anda bersetuju jika dikatakan “haiwan fasiq” yang disabdakan Nabi SAW sebenarnya merujuk kepada haiwan perosak?	Ya (79.2 %)	Faham

Jadual 5.6: Bahagian (C): Interaksi Responden Terhadap Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Soalan	Peratusan Pilihan Jawapan Tertinggi	Kesimpulan Pengkaji Terhadap Jawapan Responden
Apakah spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang sering anda jumpai?	Tikus (88.2 %), anai-anai (85.5 %), lipas (67.8 %), cicak (60.2 %), lalat (55.8 %), tupai (50.8 %), kera (49.8 %)	Cenderung menemui haiwan perosak yang sering melakukan kerosakan di rumah
Nyatakan kekerapan anda bertembung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) tersebut dalam tempoh sebulan?	Melebihi enam kali dalam sebulan (50 %)	Kadar interaksi antara manusia dan haiwan fasiq adalah tinggi
Adakah pekerjaan anda terlibat secara langsung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak)?	Tidak (68.0 %)	Interaksi yang terjadi antara responden dan haiwan fasiq adalah tidak dijangka
Apakah jenis pekerjaan yang sering anda lakukan sehingga memungkinkan pertembungan anda dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) terjadi?	Bertani (24.5 %), menoreh (17.0 %), berniaga (14.2 %), mengusahakan ladang (12.0 %)	Pekerjaan yang berkaitan dengan sumber alam semulajadi cenderung mengundang interaksi berlaku
Apakah tindakan yang anda lakukan jika bertembung dengan haiwan fasiq (haiwan	Mengguna atau menyembur racun (33.2 %). Membunuh (30.5 %)	Tindakan responden ketika interaksi lebih kepada tindakan untuk membunuh haiwan

perosak) tersebut?		perosak
Jika anda membunuhnya, bagaimana cara anda membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) tersebut?	Memasang perangkap (24.0 %) Memukul (22.5 %) Menggunakan racun (17.0 %)	Tindakan responden adalah sejajar dengan pendekatan disyorkan Nabi SAW

Jadual 5.7: Bahagian (D): Pemahaman Serta Persepsi Responden Tentang Interaksi Manusia Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Perkara	Skala Jawapan	Kesimpulan Pengkaji Terhadap Jawapan Responden
Haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut Islam terdiri dari tujuh haiwan utama iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, anjing, ular dan cicak.	Setuju (35.0 %)	Faham
Sifat melampaui batas kelompok haiwan tertentu terhadap manusia menyebabkan ia digelar sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak).	Setuju (45.2 %)	Faham
Tikus digelar fasiq oleh kerana ia haiwan pengotor dan membawa penyakit pada manusia.	Sangat Setuju (46.0 %)	Sangat Faham
Kala jengking digelar fasiq disebabkan bisanya yang berbahaya.	Setuju (39.2 %)	Faham
Gagak digelar fasiq oleh kerana ia haiwan pembangkai, pengotor dan mengganggu manusia dengan suara yang nyaring.	Setuju (30.2 %)	Faham
Helang digelar fasiq oleh kerana ia merupakan haiwan buas dan mengancam haiwan ternakan manusia.	Setuju (41.0 %)	Faham
Anjing digelar fasiq oleh kerana ancamannya pada manusia selain berbahaya dan bengis.	Setuju (33.2 %)	Faham
Ular digelar fasiq oleh kerana ia berbahaya dan mampu membawa maut.	Setuju (37.2 %)	Faham
Cicak digelar fasiq oleh kerana sifatnya yang suka membuang najis merata-rata dan mengganggu ibadah.	Sangat Setuju (39.0 %)	Sangat Faham
Sifat-sifat haiwan fasiq (haiwan perosak) ini memudaratkan hidup dan kesihatan manusia, selain mengancam hasil tanaman dan haiwan ternakan.	Sangat Setuju (40.0 %)	Sangat Faham
Meskipun Nabi SAW hanya menyebutkan tujuh jenis haiwan fasiq (haiwan perosak), namun ia tidak terhad kepada tujuh haiwan tersebut bahkan turut meliputi haiwan lain yang sama sifat.	Setuju (37.5 %)	Faham
Haiwan fasiq mempunyai kaitan dengan haiwan perosak lain.	Setuju (41.0 %)	Faham
Harimau, singa, beruang dan buaya termasuk dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak).	Tidak Setuju (32.0 %)	Tidak Faham
Nyamuk, lintah, pacat, kutu, lipan, kera dan	Setuju (43.2 %)	Tidak Faham

monyet tidak tergolong dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak).		
Orang Islam boleh membunuh semua jenis haiwan yang mengganggu hidup mereka.	Setuju (37.2 %)	Faham
Membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan sekali pukulan yang terus memamatkan merupakan kaedah terbaik.	Sangat Setuju (47.0 %)	Sangat Faham
Kaedah kawalan biologi dengan cara membela haiwan seperti burung pemangsa adalah langkah yang tepat dalam menangani haiwan fasiq (haiwan perosak).	Setuju (29.8 %)	Faham
Tindakan kerajaan yang membolehkan penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak) terhadap sektor pertanian di Malaysia adalah tepat.	Setuju (40.0 %)	Faham
Penggunaan pagar elektrik boleh diaplikasikan bagi menangani haiwan fasiq (haiwan perosak).	Setuju (36.8 %)	Faham
Tindakan kerajaan tempatan (Majlis Daerah Pengkalan Hulu) menembak dan menangkap haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah bertepatan dengan ajaran Islam.	Setuju (41.8 %)	Faham
Tindakan anggota masyarakat melastik cicak adalah menepati sunnah Nabi SAW.	Sangat Setuju (35.2 %)	Sangat Faham
Cicak dibunuh oleh kerana terdapat hadith yang jelas menerangkan galakan Nabi SAW kepada umatnya supaya membunuh cicak.	Setuju (28.5 %)	Faham
Cicak dibunuh atas dasar menurut sejarah para nabi, ia merupakan haiwan yang jahat di mana ia telah membantu meniup api agar lebih marak membakar Nabi Ibrahim AS.	Sangat Setuju (47.0 %)	Sangat Tidak Faham
Semua jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh dibunuh meskipun bagi orang yang sedang ihram.	Tidak Setuju (26.5 %)	Tidak Faham
Haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh dibunuh dengan apa cara sekalipun kerana ia haiwan yang dibenci Islam.	Tidak Setuju (27.5 %)	Faham
Anak-anak haiwan fasiq (haiwan perosak) perlu dihapuskan demi mengelakkan kejadian sama berulang.	Setuju (29.8 %)	Tidak Faham
Habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) perlu dimusnahkan agar ia tidak boleh membiak dan mengganggu lagi.	Setuju (34.5 %)	Faham

Kesimpulannya, pengkaji dapat merumuskan kefahaman responden berhubung konsep haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah lemah. Ketidakefahaman responden sudah terserlah pada peringkat awal dalam bahagian B apabila responden cenderung memilih haiwan yang selalu melakukan kerosakan dan kemusnahan pada harta benda terutamanya

haiwan perosak yang sering dijumpai di kawasan rumah bagi jawapan soalan berhubung jenis dan takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak) sedangkan takrifan yang lebih tepat ialah haiwan yang suka mengganggu kesejahteraan hidup manusia (membawa mudarat). Justeru, pemahaman responden berkenaan takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah tidak tepat.

Dalam bahagian C, praktikal responden dilihat lebih tepat berbanding pemahaman konsep. Tindakan responden menghilangkan gangguan dan mudarat haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan kaedah menyembur racun, memukul dan memasang perangkap adalah bertepatan dengan sunnah Nabawi yang mengharuskan umat Islam membunuh haiwan yang mengganggu, menyakiti dan mengancam manusia dengan kaedah berlandaskan syara'.

Dalam bahagian D, pengkaji memaparkan tahap pemahaman responden berhubung konsep haiwan fasiq (haiwan perosak), prinsip dan kaedah interaksi berpandukan soalan 1 hingga 27 bahagian D. (Lihat lampiran borang soal selidik).

Pengkaji telah membahagikan skala jawapan kepada 5 bahagian berasaskan nombor untuk menilai pemahaman, pandangan dan kelakuan responden dalam interaksi dengan haiwan fasiq:- *Sangat tidak setuju* (1), *Tidak setuju* (2), *Setuju* (3), *Sederhana setuju* (4) dan *Sangat setuju* (5). Jadi, jawapan yang diberikan adalah mewakili pemahaman, pandangan dan kelakuan responden.

Bagi responden yang memilih skala jawapan 1 dan 2, ini memperlihatkan responden *tidak bersetuju* dengan kenyataan pengkaji atau *tidak melakukan* perbuatan dinyatakan. Bagi skala jawapan berikutnya, ini memperlihatkan responden bersetuju dengan kenyataan diberikan atau melakukan perbuatan berkaitan secara *sedikit* (3), *sedehana* (4) atau *kerap* (5).

Hasilnya, pengkaji dapat merumuskan kefahaman responden berdasarkan skala jawapan diberikan dalam jadual berikut:-

Jadual 5.8: Pemahaman Serta Persepsi Responden Dalam Interaksi Manusia Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Skala Kefahaman	Keseluruhan Jawapan Responden
Sangat Tidak Faham	1
Tidak Faham	4
Faham	17
Sederhana Faham	-
Sangat Faham	5

Berdasarkan data berikut, majoriti responden memilih skala 3 (setuju) pada 17 dari 27 perkara dalam bahagian D. Jadi, pengkaji dapat menyatakan responden sekadar faham dan ada melakukan perkara dinyatakan secara sedikit atau jarang.

Perkara yang sangat difahami responden ialah berkaitan sifat cicak dan tikus, sifat-sifat haiwan perosak secara terperinci, tindakan melastik cicak dan kelebihan membunuh dengan satu pukulan. Justeru membuktikan responden lebih memahami perkara dan praktikal yang sering dialami dan dipraktikkan.

Perkara yang tidak difahami responden ialah berkaitan hubungan orang ihram dengan haiwan fasiq, perihal membunuh anak haiwan fasiq, kaitan harimau, singa, beruang, buaya, nyamuk, lintah, pacat, kutu, lipan, kera dan monyet dengan haiwan fasiq (haiwan perosak). Manakala perkara yang sangat tidak difahami responden ialah cicak bukan dibunuh atas dasar kesalahan lampau terhadap Nabi Ibrahim AS.

Kesimpulannya, kefahaman, persepsi dan pendekatan responden di daerah Pengkalan Hulu berada pada tahap sederhana. Kefahaman dan pengamalan sederhana responden jelas perlu diperbaiki. Pemahaman jitu berhubung interaksi manusia dengan

haiwan fasiq (haiwan perosak) amat penting kerana melibatkan kepentingan nyawa, agama, akal, keturunan dan harta manusia.

5.2 SUMBANGAN KAJIAN

Rumusannya, sumbangan signifikan kajian “**ANALISIS HADITH MENGENAI HAIWAN FASIQ DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH: KAJIAN TERHADAP PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU DI DAERAH PENGKALAN HULU, PERAK**” kepada perkembangan bidang hadith meliputi tiga aspek; [**Pertama**] Kajian ini berjaya mengetengahkan peranan hadith sebagai sumber pendalilan dan penghujahan utama dalam bidang keilmuan. Autoriti hadith Nabawi menyelesaikan permasalahan umat adalah terbukti; [**Kedua**] Hasil kajian ini, telah lahir satu panduan khusus berupa “**KAWALAN HAIWAN PEROSAK MENURUT SUNNAH**”. Dalil-dalil perbahasan yang digunapakai untuk huraian hukum adalah diperakui kesahihannya. Hadith-hadith Nabi SAW berkaitan haiwan fasiq (haiwan perosak) diselidiki satu persatu secara terperinci mengikut disiplin ilmu *riwāyah*, *dirāyah* dan *fiqh al-Ḥadīth* untuk memahami pandangan Islam berhubung perkara berbangkit; [**Ketiga**] Setiap sudut perbahasan mengenai setiap jenis haiwan fasiq bermula dengan tikus, kala jengking, gagak, helang, anjing, ular dan cicak telah dibincangkan secara kritis dari perspektif Nabawi. Rujukan terperinci mengenai “**HAIWAN-HAIWAN PEROSAK MENURUT SUNNAH DAN HUBUNGKAIT DENGAN HAIWAN MASA KINI**” boleh dilaksanakan untuk sumbangan kepada kelestarian ilmu.

5.3 CADANGAN DAN SARANAN

Pengkaji menggarapkan beberapa cadangan dan saranan untuk tindakan semua pihak agar kelangsungan kajian dapat diteruskan. Cadangan dan saranan tersebut adalah berikut;

5.3.1 Saranan Kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Sebagai pihak bertanggungjawab mengawal selia pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan di Malaysia, pengkaji mencadangkan agar dibentuk satu garis panduan spesies haiwan-haiwan fasiq atau haiwan perosak yang wujud pada masa kini. Panduan khusus turut perlu diwujudkan untuk menentukan kaedah terbaik kawalan makhluk perosak di Malaysia dengan mengambil kira pendekatan sunnah. Perlaksanaan segera penting agar dapat mencegah kepupusan haiwan di Malaysia.

5.3.2 Saranan Kepada Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Pengkaji menyarankan kepada Jabatan Alam Sekitar agar dikuatkuasakan satu statut yang dapat menjelaskan secara terperinci kaedah kawalan haiwan perosak yang dibenarkan. Kaedah-kaedah yang berpotensi mencemarkan alam sekitar seperti penggunaan racun secara berlebihan perlu dipandang serius dan diberi hukuman sewajarnya.

5.3.3 Saranan Kepada Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Kepada pihak MARDI, pengkaji mencadangkan agar diadakan usaha sama dengan petani di Malaysia yang sering diancam haiwan fasiq (haiwan perosak) seperti tikus dan ular. Satu kerjasama efektif dalam bidang kawalan haiwan perosak berasaskan sunnah perlu

diwujudkan untuk kebaikan kedua-dua pihak, haiwan dan manusia. Dengan ini, haiwan-haiwan tidak dizalimi dan pengusaha serta petani tidak menanggung kerugian.

5.3.4 Saranan Kepada Majlis Daerah Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan

Selaku pihak berkuasa tempatan (PBT), pelaksanaan kawalan haiwan perosak perlu diperincikan. Kaedah terbaik adalah berasaskan al-Qur'an dan sunnah Nabi SAW. Haiwan-haiwan yang sering mengganggu dan mengancam masyarakat sekitar kawasan daerah Pengkalan Hulu perlu ditangani dengan lebih berkesan. Pihak MDPH juga perlu memberi penerangan kepada masyarakat tentang kaedah sebenar menangani haiwan fasiq (haiwan perosak) berasaskan sunnah tanpa menjejaskan kemandirian spesies haiwan.

5.3.5 Saranan Kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Pengkaji menyarankan agar dikuatkuasakan satu unit yang berkuasa menyelia pembalakan atau aktiviti hutan Malaysia. Dengan berleluasanya pemusnahan hutan secara haram, akan menjejaskan habitat dan sumber makanan haiwan. Akhirnya akan menyumbang ancaman pada manusia. Unit tersebut wajar mengambil tindakan terhadap individu yang menyalahi undang-undang ditetapkan. Kestabilan ekosistem alam wajar dikekalkan demi kesejahteraan haiwan dan manusia.

5.3.6 Saranan Kepada Pihak Jabatan al-Quran & al-Hadith

Pengkaji mencadangkan kepada pihak Jabatan al-Quran & al-Hadith agar menjadikan penyelidikan ini sebagai asas mendalami konsep dan pengamalan interaksi dengan haiwan amnya dan haiwan perosak khususnya. Penelitian lebih terperinci perlu dilakukan khususnya kajian perbandingan interaksi manusia dan haiwan fasiq (haiwan perosak) antara masyarakat Melayu di kawasan kampung dan bandar. Hal ini penting bagi menilai

kefahaman, persepsi dan pengamalan antara dua golongan berbeza yang pasti menjanjikan dapatan yang baik.

5.3.7 Saranan Kepada Pihak Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Kepada pihak Akademi Pengajian Islam, pengkaji menyarankan agar disediakan satu peruntukan khas bagi pelaksanaan projek pada peringkat jabatan. Diharapkan juga pihak akademi berusaha untuk menggalakkan pelbagai pihak khususnya kakitangan akademi meneruskan penyelidikan yang memberi input besar kepada masyarakat.

Antara kelangsungan penyelidikan yang sesuai dijalankan selepas daripada ini adalah analisis perbandingan antara haiwan fasiq menurut hadith Nabi SAW dengan spesies haiwan perosak di Malaysia, kajian keberkesanan kaedah dan pendekatan disyorkan Nabi SAW dalam interaksi terhadap kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) serta kajian garis panduan berinteraksi dengan haiwan yang berlandaskan Islam.

5.3.8 Saranan Kepada Institusi Agama

Pihak institusi agama seperti Jabatan agama Islam Negeri perlu mengambil serius soal permasalahan kawalan haiwan perosak. Panduan sudah diberikan Nabi SAW. Oleh itu, perlu diwujudkan satu jawatankuasa khusus bagi menangani ketidakfahaman masyarakat berkaitan ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak) yang mampu memberi mudarat pada nyawa dan harta benda, tanaman dan ternakan manusia. Pihak institusi agama juga disarankan agar mewujudkan satu program berkala yang dapat memberi pengetahuan ilmiah berkaitan permasalahan konsep dan praktikal dalam berhadapan dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak).

5.3.9 Saranan Kepada Masyarakat

Sebagai umat Islam, kita seharusnya sedar kaedah interaksi yang tepat adalah penting dalam memastikan keharmonian dan kemandirian elemen alam. Hal ini penting kerana setiap spesies memiliki peranan sosial tersendiri dalam kestabilan ekosistem.

Anggota masyarakat sepatutnya mengambil langkah positif dengan mempelajari kaedah sebenar berinteraksi dengan haiwan seperti dikehendaki agama terutamanya golongan petani, peladang, penoreh getah dan sebagainya yang sering mengalami pertembungan dengan haiwan fasiq (haiwan perosak). Seterusnya, masyarakat perlu bersikap rasional dalam menilai dan menghakimi ancaman kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak).

5.3.10 Saranan Kepada Individu

Pengkaji turut mencadangkan kepada individu yang berminat menjalankan kajian khususnya berkaitan haiwan perosak. Antara tajuk-tajuk kajian yang sesuai adalah :-

- i. Kajian keberkesanan pendekatan Nabawi dalam menangani ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak).
- ii. Kajian perbandingan antara haiwan fasiq dengan haiwan perosak masa kini.
- iii. Kajian signifikan kaedah digunakan dalam interaksi masyarakat dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak).
- iv. Kajian signifikan penggunaan kaedah menangani ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut kemajuan sains dan teknologi dan keberkesanannya dalam kawalan makhluk perosak.

v. Kajian penggunaan racun dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) dan impak terhadap alam sekitar.

5.4 PENUTUP

Sebagai penutup, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi pendedahan kepada umat Islam di Malaysia mengenai kepentingan hadith-hadith Rasulullah SAW khususnya hadith-hadith berkaitan haiwan fasiq (haiwan perosak) di samping memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga keharmonian hubungan antara manusia dan haiwan.

Dari itu, pengkaji meletakkan harapan agar kajian ini dapat dimanfaatkan bersama khususnya dalam membentuk satu garis panduan dalam bidang kawalan makhluk perosak berasaskan Islam yang dapat dijadikan rujukan. Oleh itu, diharapkan juga kajian ini dapat diterbitkan dalam bentuk makalah ilmiah untuk rujukan semua pihak.

Semoga usaha kerdil pengkaji ini menjadi sebahagian sumbangan diri kepada Islam dari sudut ilmu pengetahuan. Kalam terakhir, pengkaji memohon petunjuk, keampunan dan rahmat serta berlindung dengan-Nya dari sebarang kekurangan.

Wallāhu ‘A`lam.